

## Hukuman kerja kemasyarakatan kurangkan jumlah banduan

**Marang:** Jabatan Penjara Malaysia menyasarkan untuk mengurangkan sehingga dua pertiga daripada jumlah 48,000 banduan yang sedang menjalani hukuman di seluruh negara menerusi hukuman kerja kemasyarakatan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Seri Zulkifli Omar berkata, langkah itu akan dilaksanakan bagi banduan yang menjalani hukuman bagi kesalahan ringan yang sebahagian hukuman sudah dilalui dalam penjara.

Katanya, hukuman itu juga sebagai langkah mendekatkan banduan dengan masyarakat tanpa melihat golongan itu tidak mempunyai masa depan.

Beliau berkata, penjara juga bukanlah satu tempat terakhir yang perlu dilalui banduan kerana mereka perlu diberi peluang untuk diterima dan bersama masyarakat sementara proses hukuman selesai.

“Jadi, antara satu langkah yang sedang kita ambil sekarang ialah untuk membawa

keluar sehingga dua pertiga banduan yang sudah menjalani hukuman penjara (bagi kesalahan ringan) untuk kerja kemasyarakatan.

“Langkah ini juga mendekatkan banduan dengan keluarga mereka dan terus berada dalam masyarakat,” katanya selepas merasmikan Program Me-

### FAKTA NOMBOR

**48,000**  
banduan

jalani hukuman di seluruh negara

sej Dari Penjara peringkat Zon Timur 2014, di Penjara Marang, di sini, semalam.

Sempena majlis itu, satu perjanjian persefahaman (MoU) antara Jabatan Penjara dengan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) untuk membuat penyelidikan rawatan penggantian rawatan metadon bagi banduan terabit dengan penagihan dadah dan Terapi Tingkah Laku Kognitif.

Yang turut hadir Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniSZA, Prof Dr Mohd Ekhwan Toriman dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMT, Prof Dr Mohd Effendy Abd Wahid.

### Pangkat kehormat

Dalam perkembangan lain, Zulkifli berkata, pihaknya akan mengeluarkan pangkat kehormat dan pakaian seragam kepada ahli sukarelawan yang bekerjasama dengan Jabatan Penjara.

“Kita sedang dalam proses untuk mewujudkan Sukarelawan Jabatan Penjara dan Kor Siswazah dengan pihak universiti dan akan memberi pangkat dan pakaian seragam (Jabatan Penjara). Kita berharap usaha ini dapat mendekatkan masyarakat dengan penghuni penjara,” katanya.

Mengenai MoU dengan UniSZA dan UMT, beliau berkata, gabungan tiga elemen perubatan, pengajian dan rawatan Islam serta sains sosial, selain kaunseling berkelompok dilihat satu alternatif dalam memulihkan banduan.